



**GARIS PANDUAN
PENDAFTARAN SEBAGAI
PENANAM SPESIES TERJADUAL
(KARAS/GAHARU)
DI BAWAH AKTA 686
PERDAGANGAN ANTARABANGSA
MENGENAI SPESIES TERANCAM**



**LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA
(KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI)**

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENDAFTARAN BARU DAN PEMBAHARUAN PENDAFTARAN

Pendahuluan	1
Latar Belakang	1
Tujuan Pendaftaran	1
Spesies Kayu Yang Di Senarai Sebagai Spesies Terjadual (Jadual Ketiga)	2
Syarat Pendaftaran	3
Kriteria Pendaftaran	3
Yuran Pendaftaran	3
Sah Laku pendaftaran	3
Pembaharuan Pendaftaran	4
Tanggungjawab Pendaftar	4
Kesalahan Tidak Berdaftar	5
Penutup	5
Proses Dan Perakuan Pendaftaran	6
Lampiran I	6
- Carta Aliran Proses Pendaftaran Sebagai Penanam Spesies Terjadual	
Lampiran II	7
- Carta Aliran Proses Pemeriksaan Pasukan Petugas Teknikal	
Lampiran III	8
- Carta Aliran Proses Penambahan Kawasan Tanaman/ Bilangan Dirian Pokok	
Lampiran IV	9
- Carta Aliran Proses Pengusaha Hasilan Gaharu/ Pati Minyak Gaharu/Semua Bahagian Tumbuhan Karas	
Lampiran V	10
- Carta Aliran Proses Pembaharuan Pendaftaran Penanam Spesies Terjadual	
Lampiran VI	11
- Alamat Ibu Pejabat dan Pejabat MTIB Wilayah dan Negeri Di Semenanjung Malaysia	
- Alamat Pejabat Wilayah MTIB Sabah	

**GARIS PANDUAN PENDAFTARAN SEBAGAI
PENANAM SPESIES TERJADUAL (KARAS/GAHARU)
DI BAWAH AKTA 686**

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Akta Perdagangan Antarabangsa mengenai spesies terancam 2008 (Akta 686) mewajibkan pendaftaran untuk menghasilkan haiwan dibiakkan dalam kurungan atau tumbuhan atau haiwan dibiakkan secara buatan daripada mana-mana spesies terjadual bagi maksud perdagangan komersial.
- 1.2 Selaras dengan peruntukkan Akta ini, Garis Panduan ini disediakan untuk memberi panduan dan rujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam urusan aktiviti menghasilkan tumbuhan dibiakkan secara buatan spesies terjadual sepertimana termaktub dalam Peraturan-peraturan Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam (Permit, Perakuan, Pendaftaran dan Fi) yang dikeluarkan di bawah Seksyen 54 Akta.
- 1.3 Garis Panduan ini memberi penjelasan lanjut keatas keperluan pendaftaran bagi aktiviti
 - i) Tapak Semaian; dan
 - ii) Penanam pokok Karas/Gaharu

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 AKTA 686 telah diwartakan pada 14 Februari 2008 dan peraturan berkaitan dengan perdagangan antarabangsa mengenai spesies terancam (Permit, Perakuan, Pendaftaran dan Fi) telah diwartakan pada 24 Disember 2009. Di bawah AKTA 686, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) dipertanggungjawabkan sebagai "Pihak Berkuasa Pengurusan" (Management Authority) bagi Semenanjung Malaysia dan Sabah. Manakala bagi negeri Sarawak, peranan ini dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Perhutanan Sarawak.
- 2.2 Mengikut peruntukan AKTA ini, sesiapa yang mengusahakan tapak semaian dan menanam pokok Karas/Gaharu tanpa mengira luas kawasan tanaman dan bilangan dirian pokok bagi tujuan komersial **WAJIB** berdaftar dengan Pihak Berkuasa Pengurusan iaitu MTIB.

3. TUJUAN PENDAFTARAN

- 3.1 Memastikan penanam spesies terjadual mematuhi peraturan di bawah AKTA 686.
- 3.2 Mengatur dan mengawal selia perdagangan antarabangsa spesies terjadual dalam Senarai Apendiks CITES.

4. SPESIES KAYU YANG DISENARAIKAN SEBAGAI SPESIES TERJADUAL

- 4.1 Di bawah CITES, spesies-spesies terancam telah diklasifikasikan sebagai Apendiks I, II dan III. Bagi spesies terancam di bawah Apendik III perdagangan antarabangsa adalah dibenarkan tanpa sebarang sekatan manakala bagi Apendiks II, perdagangan dibenarkan tetapi dengan kawalan melalui permit import dan eksport. Perdagangan dalam spesies-spesies yang disenaraikan di bawah Apendik I adalah dilarang sama sekali.
- 4.2 Karas telah dikategorikan di bawah Apendik II yang mana perdagangan spesies ini memerlukan lesen import dan eksport daripada MTIB bagi Semenanjung Malaysia dan Sabah; Jabatan Hutan Sarawak bagi negeri Sarawak.
- 4.3 Jadual di bawah adalah petikan dari AKTA 686 yang berkaitan dengan spesies kayu.

Appendix		
I	II	III
Spesies Kayu		
Family : Araucariaceae (Monkey-puzzle tree)		
<i>Araucaria araucana</i> (Chilean Pine)		
Family : Leguminosae (Fabaceae) (Afromosia, Cristobal, Rosewood, Sandalwood)		
<i>Dalbergia nigra</i> (Brazilian Rosewood)	<i>Caesalpinia echinata</i> #10 <i>Pericopsis elata</i> #5 (Devil's Tree, Red Bark) <i>Platymiscium pleiostachyum</i> #4 (Cachimbo, Cristobal, Nambar) <i>Pterocarpus santalinus</i> #7 (Angsana, Sena)	<i>Dipteryx panamensis</i> (Pittier)
Family : Meliaceae (Mahoganies, Spanish Cedar)		
	<i>Swietenia humilis</i> #4 (Honduras, Mexican Mahogany) <i>Swietenia macrophylla</i> #6 (Brazilian, Bolivian Mahogany) <i>Swietenia mahagoni</i> #5 (Cuban, Spanish Mahogany)	<i>Cedrela odorata</i> #5 (Cigar Box, Spanish Cedar)
Family : Pinaceae (Guatemala Fir)		
<i>Abies guatemalensis</i> (Guatemala Fir)		
Family : Podocarpaceae (Podocarps)		
<i>Podocarpus parlatorei</i> (Parlotore's Podocarp)		<i>Podocarpus nerifolius</i> #1 (Podo)
Family : Thymelaeaceae (Aquilariaceae) (Agarwood, Ramin)		
	<i>Aquilaria spp.</i> #4 (Agarwood) <i>Gonystylus spp.</i> #4 (Ramin) <i>Gyrinops spp.</i> #4	

Nota: Anotasi #4 – Penanam-penanam yang membawa masuk biji benih dan anak benih dikecualikan daripada syarat perolehan permit CITES (Import dan Eksport). Walau bagaimanapun, sebarang bahagian dan terbitan lain dari Karas/Gaharu memerlukan perolehan permit CITES.

5. SYARAT PENDAFTARAN

5.1 Sesiapa yang

- i) Mengusahakan tapak semaian; atau
- ii) Menanam pokok Karas/Gaharu

tanpa mengira luas kawasan tanaman dan bilangan dirian pokok bagi tujuan komersial **diwajibkan** berdaftar dengan MTIB.

5.2 Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen berikut:

- Borang permohonan yang telah diisi (Borang E)
- Salinan Kad Pengenalan;

atau

- Salinan Perakuan Pendaftaran Perniagaan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Pindaan 2001 atau Salinan Borang 9, Borang 24, dan Borang 49 di bawah Akta Syarikat 1965) dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- Salinan hak milik tanah/ dokumen perjanjian sewaan atau pajakan
- Salinan dokumen sumber pembekalan anak pokok atau anak benih.
- Salinan Lesen Kilang daripada Jabatan Hutan Negeri atau Agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. (Jika berkaitan)
- Proses pendaftaran adalah seperti di Lampiran I

5.3 Sebelum MTIB meluluskan permohonan pendaftaran, satu pasukan petugas teknikal akan melawat dan memeriksa kawasan tanah berkaitan bagi membuat pengesahan dan proses pemeriksaan adalah seperti di Lampiran II.

5.4 MTIB boleh menambah kriteria-kriteria lain dari semasa ke semasa jika perlu

6. KRITERIA PENDAFTARAN

6.1 Mana-mana orang perseorangan/individu atau syarikat/pertubuhan yang ingin berdaftar hendaklah memenuhi kriteria berikut:

- (a) Warganegara Malaysia.
- (b) Berumur 18 tahun ke atas.
- (c) Tidak muflis dan disenarai hitamkan di bawah mana-mana Akta yang terdapat di Malaysia.
- (d) Tidak didakwa atau melakukan kesalahan di bawah Akta Pendaftaran Penjenayah-Penjenayah Dan Orang-orang Yang Tidak Diingini 1969 (Akta 7).
- (e) Tidak melanggar mana-mana peruntukan yang dibuat oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

6.2 MTIB boleh menambah kriteria-kriteria lain dari semasa ke semasa jika perlu

7. YURAN PENDAFTARAN

Yuran yang dikenakan kepada pemohon adalah seperti berikut:

- Pendaftaran baru - RM200 setahun,
- Pembaharuan pendaftaran - RM100 setahun.

8. SAH LAKU PENDAFTARAN

- i) Pendaftaran adalah sah bagi tempoh satu tahun sahaja;
- ii) Pendaftaran tidak sah sekiranya individu yang berdaftar telah meninggal dunia; atau
- iii) Apabila syarikat dibubarkan, jika pemegang pendaftaran adalah perbadanan, pada waktu ia adalah pemegang pendaftaran.

9. PEMBAHARUAN PENDAFTARAN

9.1 Setiap orang perseorangan/individu atau syarikat/pertubuhan yang berdaftar dengan MTIB harus memperbaharui pendaftaran.

9.2 Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen berikut:

- Borang permohonan yang telah diisi (*Borang F*)
- *Salinan Perakuan Pembaharuan Pendaftaran di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Pindaan 2001)*
- Proses pembaharuan pendaftaran adalah seperti di Lampiran V

10. TANGGUNGJAWAB PENDAFTAR

10.1 Sesiapa yang telah berdaftar dengan MTIB, bertanggungjawab memaklumkan;

- i) Penambahan kawasan tanaman,
- ii) Bilangan dan dirian pokok,
- iii) Pengusahahasilan gaharu,
- iv) Pengusahahasilan minyak gaharu,
- v) Pengusahahasilan semua bahagian tumbuhan Karas.

10.2 Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen berikut:

- Borang E-1
- Salinan hak milik tanah/dokumen perjanjian sewaan atau pajakan
- Sijil Asal Perakuan Pendaftaran Penanam Karas
- Proses adalah seperti di Lampiran III.

11. KESALAHAN TIDAK BERDAFTAR

11.1 Mana-mana **Penanam Spesies Terjadual (Karas/Gaharu)** yang tidak berdaftar dan tidak mematuhi atau melanggar mana-mana syarat yang dikenakan di bawah AKTA 686 adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan –

(a) Jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit bagi setiap haiwan, tumbuhan, atau bahagian yang mudah dikenali atau terbitan haiwan atau tumbuhan, spesies terjadual itu tetapi denda itu tidak boleh melebihi satu juta ringgit pada agregatnya, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya;

(b) Jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit bagi setiap haiwan, tumbuhan, atau bahagian yang mudah dikenali atau terbitan haiwan atau tumbuhan, spesies terjadual itu tetapi denda itu tidak boleh melebihi dua juta ringgit pada agregatnya.

11.2 Bagi memenuhi maksud dalam perkara 2.2 MTIB perlu melaksanakan pendaftaran penanam spesies terjadual (Karas/Gaharu) seperti kehendak dan tidak bertentangan dengan AKTA 686.


12. PENUTUP

12.1 Borang yang telah lengkap diisi berserta salinan dokumen berkaitan dan sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut mengenai Garis Panduan boleh dimajukan pada alamat berikut:


Ketua Pengarah
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)
Tingkat 13-17, Menara PGRM
No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras
56100 Kuala Lumpur
u.p. : Unit Pendaftaran

12.2 Garis Panduan ini boleh dipinda dari semasa ke semasa oleh pihak MTIB jika perlu. Garis Panduan dan borang-borang boleh di muat turun melalui laman sesawang MTIB www.mtib.gov.my. Borang-borang ini juga boleh diperolehi di ibu pejabat, dan pejabat Wilayah dan Negeri MTIB.


CARTA ALIRAN PROSES PENDAFTARAN SEBAGAI PENANAM SPESIES TERJADUAL




CARTA ALIRAN PROSES PEMERIKSAAN PASUKAN PETUGAS TEKNIKAL




CARTA ALIRAN PROSES PENAMBAHAN KAWASAN TANAMAN/BILANGAN DIRIAN POKOK



**CARTA ALIRAN PROSES PENGUSAHA HASILAN
GAHARU/PATI MINYAK GAHARU/ SEMUA BAHAGIAN TUMBUHAN KARAS**



**CARTA ALIRAN PROSES PEMBAHARUAN PENDAFTARAN
SEBAGAI PENANAM SPESIES TERJADUAL**



1. IBU PEJABAT

Lampiran VI

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

Tingkat 13-17, Menara PGRM
No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras
56100 Kuala Lumpur
Peti Surat 10887
50728 Kuala Lumpur
Tel : 03 – 9282 2235
Faks : 03 – 9285 1744
E-mail : info@mtib.gov.my

Pejabat MTIB Wilayah Timur,
Kota Bahru
Tel : 09 – 748 3824/1867
Faks : 09 – 748 6377
E-mail : mtibkb@mtib.gov.my

Pejabat MTIB Kuala Terengganu
Tel : 09 – 626 2711
Faks : 09 – 626 2712
E-mail : mtibkt@mtib.gov.my

2. PEJABAT MTIB WILAYAH & NEGERI DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Pejabat MTIB Wilayah Tengah, Klang
Tel : 03 – 3324 3063
Faks : 03 – 3324 3733
E-mail : mtibpk@mtib.gov.my

Pejabat MTIB Negeri Johor,
Nusa Bistari, Skudai
Tel : 07 – 511 6672/6682
Faks : 07 – 511 6787
E-mail : mtibjb@mtib.gov.my

Pejabat MTIB Wilayah Utara,
Butterworth
Tel : 04 – 398 3358
Faks : 04 – 399 8358
E-mail : mtibwu@mtib.gov.my

3. PEJABAT WILAYAH MTIB SABAH

Pejabat MTIB Negeri Pahang,
Kuantan
Tel : 09 – 573 5062/5063
Faks : 09 – 573 5064
E-mail : mtibku@mtib.gov.my

Pejabat MTIB Wilayah Sabah,
Kota Kinabalu
Tel : 088 – 498 822
Faks : 088 – 498 811/833
E-mail : mtibsabah@mtib.gov.my

Pejabat MTIB Cawangan Sandakan
Tel : 089 – 212 717
Faks : 089 – 215 570
E-mail : mtibsd@mtib.gov.my

Pejabat MTIB Cawangan Tawau
Tel : 089 – 765 753
Faks : 089 – 779 711
E-mail : mtibtw@mtib.gov.my